



## PERANAN MEDIA DIGITAL DALAM DAKWAH KONTEMPORARI BAGI MEMBENTUK KESEPADUAN NASIONAL MASYARAKAT DI MALAYSIA

*THE ROLE OF DIGITAL MEDIA IN CONTEMPORARY DAKWAH TO CREATE  
NATIONAL UNITY OF SOCIETY IN MALAYSIA*

Saifulazry Mokhtar<sup>1</sup>, Kasoma Thia<sup>2\*</sup>, Mohd Sohaimi Esa<sup>3\*</sup>, Mohd Azri Ibrahim<sup>4</sup>, Mohd Nasrun Mohd Talib<sup>5</sup>

- <sup>1</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my
- <sup>2</sup> Sekolah Menengah Kebangsaan Tebbon, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia  
Email: kasomathia77@gmail.com
- <sup>3</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: msohaimi@ums.edu.my
- <sup>4</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: mohdazri@ums.edu.my
- <sup>5</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: MU1921015T@student.ums.edu.my

\* Corresponding Author

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 15.12.2022

Revised date: 15.01.2023

Accepted date: 20.02.2023

Published date: 01.03.2023

#### To cite this document:

Mokhtar, S., Thia, K., Esa, M. S., Ibrahim, M. A., Talib, M. N. M. (2023). Peranan Media Digital Dalam Dakwah Kontemporari Bagi Membentuk Kesepaduan Nasional Masyarakat Di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (31), 47-60.

### Abstrak:

Seruan dakwah terhadap kehidupan bermasyarakat perlu dijalankan oleh setiap Muslim. Kaedah dan manhaj dakwah yang diaplikasi oleh seseorang Muslim itu perlulah menepati citarasa golongan Mad'u serta sesuai dengan perkembangan globalisasi kini. Pendekatan dakwah kontemporari perlu diketengahkan bagi mewujudkan hubungan baik dalam membentuk satu kesefahaman antara etnik, sesuai dengan masyarakat majmuk di Malaysia. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk melihat peranan media digital dalam menyatupadukan masyarakat pelbagai kaum untuk saling menerima pandangan dan buah fikiran masyarakat lain dalam sesuatu perkara. Selain itu, kajian ini juga turut melihat faktor-faktor yang menjadi kekangan kepada media kontemporari dalam membentuk kesepaduan nasional di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen iaitu melihat kajian-kajian lepas berkaitan dengan peranan media digital dan dakwah kontemporari dalam membentuk kesepaduan nasional masyarakat di Malaysia. Hasil kajian mendapat terdapat empat peranan media digital dalam dakwah kontemporari iaitu menjangkau bilangan pendengar yang lebih banyak,

DOI: 10.35631/IJLG.831004.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



serampang dua mata dalam kalangan masyarakat, berkongsi dan bertukar pendapat dengan individu dari pelbagai latar belakang dan dakwah kontemporari mudah diterima oleh golongan saudara baharu. Dari aspek kekangan media digital dalam dakwah kontemporari pula, pengkaji menemui empat kekangan utama dalam membentuk kesepaduan nasional iaitu ketiadaan peranti dalam mengakses media massa, kurang pengetahuan dalam cara penggunaan teknologi, kandungan video yang terlalu bebas serta fakta agama yang salah dan tidak tepat. Oleh itu, pada pendakwah seharusnya menyiapkan diri terlebih dahulu sebelum menceburkan diri dalam kancah dakwah agar usaha dakwah yang dijalankan tersebut mencapai matlamat dengan jayanya.

### Kata Kunci:

Dakwah, Dakwah Kontemporari, Kesepaduan Nasional, Masyarakat, Media Digital, Teknologi

### Abstract:

The call of dakwah towards community life should be carried out by every Muslim. The methods and manhaj dakwah applied by a Muslim must be in line with the tastes of the Mad'u group and in accordance with the current development of globalization. Contemporary preaching approach should be highlighted to establish good relations in forming an inter-ethnic understanding, in line with the plural society in Malaysia. Therefore, this study was carried out to look at the role of digital media in uniting the multi-racial community to accept the views and thoughts of other communities in a particular matter. In addition, this study also looked at the factors that constrain contemporary media in shaping national cohesion in Malaysia. This study uses the method of document analysis which is to look at past studies related to the role of digital media and contemporary preaching in shaping the national cohesion of society in Malaysia. The findings found that there are four roles of digital media in contemporary preaching which is to reach a greater number of listeners, two-pronged among the community, share and exchange opinions with individuals from various backgrounds and contemporary preaching is easily accepted by new brothers. In terms of digital media constraints in contemporary preaching, the researchers found four main constraints in shaping national cohesion, namely the absence of devices in accessing mass media, lack of knowledge in the use of technology, overly free video content and incorrect and inaccurate religious facts. Therefore, the preacher should prepare himself before venturing into the dakwah so that the dakwah effort is achieved successfully.

### Keywords:

Dakwah, Contemporary Preaching, National Unity, Society, Digital Media, Technology

## Pengenalan

Di zaman era modenisasi ini, memang sukar untuk manusia berpisah dengan teknologi tidak kira umur, jantina mahupun pekerjaan yang dilakukan (Manap & rakan-rakan, 2016). Setiap orang mempunyai sekurang-kurangnya satu gajet tidak kira telefon bimbit, komputer riba ataupun televisyen. Hal ini kerana, kebanyakkan sumber untuk memperolehi data, maklumat terkini dan rujukan lebih mudah didapati dengan menggunakan hujung jari sahaja iaitu dengan menggunakan gajet elektronik. Sejajar dengan itu, penggunaan media juga semakin meningkat dengan pantas. Oleh itu, ramai yang mengambil kesempatan dengan menggunakan media

sosial ini sebagai satu saluran untuk mengembangkan bisnes sedia ada. Ada segelintir juga yang mengambil peluang ini dengan berkongsi ilmu sebagai guru menggunakan platform seperti *YouTube* dan *TikTok*. Ini memudahkan pencarian sumber rujukan dan cara jalan penyelesaian kepada suatu masalah. Selain guru-guru juga, para ahli agamawan turut mengambil inisiatif ini untuk mengembangkan dan berkongsi dakwah mereka secara atas talian. Kadang-kadang memang sukar bagi sesetengah orang yang sudah biasa dengan cara lama dan ingin menggunakan cara dan pendekatan baharu. Penggunaan teknologi beserta dengan penggunaan media sosial ini sememangnya memudahkan pekerjaan seseorang itu. Namun, jika digunakan dengan melulu, penggunaan media sosial ini boleh membawa kepada keburukan.

Lebih-lebih lagi ketika pandemik ini, kebanyakkan orang cuba mempraktikkan penggunaan media sosial ini memandangkan ramai yang berada di rumah dan melayari media sosial. Oleh kerana perintah berkurung dan peraturan SOP dilaksanakan, sebarang bentuk aktiviti yang melibatkan perkumpulan beramai-ramai tidak dibenarkan. Ini termasuklah acara ibadah di tempat ibadah. Masjid, gereja, tokong, dan kuil semuanya perlu mematuhi syarat SOP yang mengehadkan bilangan orang di tempat ibadah pada satu-satu masa (Sinar Harian, 2020). Sebarang aktiviti keagamaan adalah dilarang ketika waktu PKP ini. Ini menyebabkan ramai yang tidak puas hati kerana perkara tersebut sudah menjadi kebiasaan untuk datang ke tempat ibadat beramai-ramai untuk mempelajari ilmu agama seperti ceramah, tazkirah, forum, diskusi dan sebagainya. Penggunaan media dalam dakwah juga mampu membantu dalam pembentukan kesepadan nasional masyarakat di Malaysia. Menurut Baharuddin (2011), kesepadan nasional bermaksud kesatuan komuniti yang pelbagai dimana rakyatnya yang berbilang bangsa, agama dan budaya tinggal dalam sebuah negara yang aman dan harmoni. Misi utama dalam kesepadan nasional ini adalah bertunjangkan perpaduan yang terbentuk dari kesefahaman masyarakat, menerapkan nilai bersatu padu, mengetepikan sikap mementingkan budaya sendiri, berganding bahu dalam segenap aktiviti masyarakat serta menangkis perbezaan fahaman budaya, agama dan kepentingan peribadi.

### Kajian Literatur

Dalam era teknologi terkini, keterlibatan masyarakat lebih terarah dan cenderung terhadap penggunaan media sosial untuk berhubung, berkomunikasi, menjalankan transaksi apatah lagi dalam konteks menuntut ilmu. Dengan berpaksikan kepada teknologi sebagai medium perantaraan, ia telah mengarahkan manusia untuk mempelajari dan menguasai ilmu berkaitan teknologi komunikasi tersebut. Hal ini telah menarik minat para pengkaji untuk melaksanakan kajian terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan dari segenap sudut. Teknologi canggih yang dimaksudkan dalam perbincangan ini adalah media sosial. Kemunculan media sosial dewasa ini telah meninggalkan impak yang positif dan negatif bergantung kepada niat dan tujuan penggunaannya. Penyalahgunaan media sosial dalam kehidupan akan menyebabkan berlakunya perpecahan dan perbalahan berlaku sesama umat jika terus dibiarkan. Oleh itu, Nor Jefri dan rakan-rakan (2019) telah menjalankan kajian untuk memberi penerangan dan penjelasan tentang penggunaan media sosial dalam masyarakat Islam dengan berhujahkan kepada hadis Nabi SAW dalam kupasan beliau terhadap media sosial, pembentukan masyarakat, atas pembinaan masyarakat Islam dan media dan identiti budaya.

Media massa juga dikenali sebagai media baharu iaitu istilah yang digunakan merangkumi digital, komputer, atau jaringan teknologi informasi dan komunikasi di akhir abad ke-20. Media baharu adalah media yang terbentuk daripada interaksi antara manusia dengan komputer dan internet secara khususnya seperti laman web, *blog*, *online social network*, *online forum* dan lain-lain yang menggunakan komputer sebagai medianya (Khasbullah & rakan-rakan, 2019).

Menurut Adam dan rakan-rakan (2015) persoalan berkaitan media yang berfungsi sebagai medium penyebaran dakwah ini perlu dibincangkan secara lebih terperinci. Justeru, beliau menjalankan kajian bagi mengenalpasti kegunaan media ini dalam penyampaian maklumat berkaitan agama di Malaysia di samping menganalisis penggunaan media baharu yang sering digunakan oleh masyarakat Malaysia. Menurut Zakaria dan Mohamad (2016), media merupakan satu saluran yang membawa kepada perjalanan maklumat daripada satu sumber kepada satu sumber yang lain. Manakala berdakwah menerusi media telah wujud sejak dari zaman Rasulullah SAW namun melalui wasilah yang berbeza berbanding pada masa kini. Pengaplikasian media kontemporari ini dalam konteks dakwah boleh diklasifikasikan sebagai salah satu daripada rekayasa dakwah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) kepada pendakwah kerana beliau berjaya mentransformasikan dakwah dalam bentuk teknologi (Mokhtar & rakan-rakan, 2021d)

Dengan melihat kerancakan penggunaan media sosial sebagai medium dakwah dan penularan dakwah bebas tanpa terkawal melalui media sosial yang dikhuatiri boleh mengundang kekeliruan, terpedaya, penyebaran ajaran sesat dan fahaman ekstremisme. Masyarakat bimbang dengan kesihihan kandungan mesej dakwah dan belum berpuashati dengan kualitinya lantas Mohamed Mokhtar dan Hassan (2021) menjalankan kajian terhadap *Penggunaan Media Sosial Sebagai Medium Dakwah Islam dalam Kalangan Penduduk Kampung Beserah, Kuantan, Pahang* untuk mengenal pasti penggunaan media sosial untuk tujuan berdakwah. Dalam kajian Mokhtar dan rakan-rakan (2021a) adalah bertujuan untuk menganalisis prospek dan cabaran implementasi dakwah menerusi media kontemporari sebagai kayu ukur kepada kejayaan dakwah masa kini. Tahap keterbergantungan yang tinggi terhadap media massa telah memberi satu tamparan hebat kepada para pendakwah untuk menyebarkan risalah yang benar dan menangkis segala bentuk penyebaran maklumat palsu khususnya yang berkaitan dengan Islam. Hasil kajian mendapat terdapat pelbagai prospek dan cabaran yang perlu dihadapi oleh pendakwah masa kini seperti menyiapkan diri mereka dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam teknologi maklumat, menyekat kemunculan ustaz dan ustazah ‘maggi’, kebanjiran maklumat berkaitan isu-isu agama dan sebagainya.

Menurut Haronzah dan rakan-rakan (2019), *Facebook* merupakan antara media sosial yang terkenal dan mempunyai ramai pengguna dari pelbagai negara di seluruh dunia serta mempunyai kebaikan dan keburukannya yang tersendiri. Beliau turut menyentuh berkaitan dengan asal usul *Facebook*, kebaikan dan keburukan dan peranannya sebagai medium untuk menyampaikan dakwah Islam juga dijelaskan serta pengaruh *Facebook* terhadap remaja Islam. Kajian Mokhtar dan rakan-rakan (2022a) pula bertujuan untuk melihat bagaimana aplikasi *Facebook* dapat dijadikan sebagai platform dalam membentuk kesepaduan nasional di Sabah. Hasil daptatan kajian beliau menemui, *Facebook* dapat dijadikan sebagai platform dalam membentuk kesepaduan nasional di Sabah menerusi penyertaan dalam pertandingan atas talian, melaksanakan tayangan video dan iklan yang berunsurkan kaum masing-masing serta kerjasama kerajaan negeri Sabah dalam mengetengahkan *Facebook* kepada masyarakat tempatan khususnya dalam aspek pekerjaan dan organisasi. Kajian ini turut menemui beberapa kesan penggunaan *Facebook* sebagai alat kesepaduan nasional di Sabah, cabaran dalam menggunakan *Facebook* serta cadangan penggunaan *Facebook* sebagai alat kesepaduan nasional di Sabah.

Dalam memastikan pembentukan perpaduan masyarakat berbilang kaum di Malaysia, implementasi konsep hikmah adalah satu pendekatan terbaik (Yasin & rakan-rakan, 2015). Konsep ini boleh diamalkan secara inklusif dalam semua aspek kehidupan sama ada menerusi

tingkah laku, komunikasi, bermeditasi dan sebagainya. Kajian Awang dan Mohd Khambali (2015) pula melihat pengaruh media terhadap memberi kefahaman nilai-nilai agama Islam dalam kalangan Saudara Baru pra konversi ketika terlibat dalam dialog kehidupan. Hasil kajian beliau mendapati, pemahaman terhadap agama Islam yang tercipta hasil daripada penglibatan Saudara Baru pra konversi dalam dialog kehidupan mencetuskan satu paradigma untuk mereka meneroka agama Islam dengan lebih mendalam. Menurut Razali dan rakan-rakan (2019), di sebalik kemajuan internet dan media massa, media sosial mampu memberi impak negatif kepada semua penggunanya menurut kaca mata Islam. Hasil dapatan kajian beliau mendapati media sosial mampu mempengaruhi perkembangan fizikal, akademik dan akhlak bagi seseorang individu. Hubungan sesama ahli keluarga, jiran tetangga dan rakan sebaya boleh terjejas dan tiada persefahaman akibat penyalahgunaan media sosial. Imej dan maruah negara juga turut menjadi taruhan kepada negara lain.

Menurut Mokhtar dan rakan-rakan (2021b), saranan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), walaupun dalam tempoh PKP proses PdP bagi pelajar perlu diteruskan dengan berbantuan Teknologi Maklumat bagi memastikan proses Pengajaran dan Pembelajaran untuk semua pelajar dapat diteruskan sekalipun negara mengalami pandemik Covid-19 ataupun pandemik lain yang bakal datang. Walau bagaimanapun, terdapat sembilan implikasi positif PdPr menerusi *online* seperti lebih baik dilaksanakan PdPr *online* dari tiada kelas, ibu bapa banyak membantu pelajar dalam PdPr, pelajar dapat mengaplikasikan teknologi dalam pendidikan dengan baik dan sebagainya. Selain itu, kajian turut mendapati lapan bentuk implikasi negatif dalam PdPr secara atas talian berdasarkan kepada maklum balas guru-guru di sekolah sekitar daerah Kota Kinabalu iaitu pelajar tidak mempunyai kemudahan secukupnya untuk turut serta dalam PdPr kerana tidak mempunyai gajet, tidak mempunyai data yang mencukupi, jaringan telekomunikasi yang tidak menentu serta masalah sosio ekonomi keluarga (Mokhtar & rakan-rakan, 2022b). Kaedah pembelajaran interaktif perlu diterapkan dalam setiap mata pelajaran termasuklah Pendidikan Islam di sekolah menengah (Moharam & rakan-rakan, 2021). Mata pelajaran Pendidikan Islam amat memerlukan pendekatan kaedah interaktif kerana mempunyai topik-topik pengajaran yang memerlukan huraian rinci dalam pemahaman pelajar dan mampu memberi kefahaman yang gitu kepada pelajar secara langsung kerana pelajar dapat mengaplikasikan ilmu yang dipelajari secara praktikal dan amali.

### **Metodologi Kajian**

Kajian berkaitan *Peranan Media Digital dalam Dakwah Kontemporari bagi Membentuk Kesepaduan Nasional Masyarakat di Malaysia* adalah satu kajian yang menggunakan kaedah analisis dokumen. Kajian ini akan merujuk kepada kajian-kajian lepas berkaitan dengan peranan media digital atau media massa, implementasi dakwah kontemporari serta kajian yang menjurus kepada kesepaduan nasional masyarakat di Malaysia berdasarkan kepada artikel-artikel jurnal, buku-buku, coretan akhbar dan sebagainya. Saran dan dapatan lepas akan diulas dan disepadukan dalam konteks melihat bagaimana media digital dapat digabungjalinkan menerusi dakwah kontemporari untuk membentuk kesepaduan nasional masyarakat multietnik di Malaysia.

### **Hasil Dapatan dan Perbincangan**

Dalam kajian yang dijalankan, terdapat beberapa peranan media digital yang dapat membentuk kesepaduan nasional dalam kalangan masyarakat di Malaysia iaitu;

### **Menjangkau Bilangan Pendengar yang Lebih Banyak**

Dakwah kontemporari melalui media massa sering digunakan kerana ia merupakan salah satu yang dapat membantu membangunkan kesepaduan nasional masyarakat. Hal ini kerana, media massa merupakan salah satu bentuk kemajuan teknologi informasi dan komunikasi dimana ia berperanan sebagai perolehan sumber maklumat dan juga menyampai saluran maklumat kepada masyarakat. Seperti yang kita maklum, dalam arus kemodenan pada zaman kini, dakwah kontemporari boleh di dapati melalui tiga jenis media iaitu media elektronik seperti televisyen, radio, video dan filem dan media cetak seperti majalah akhbar, buku-buku dan sebagainya serta media online iaitu media internet, media siber dan internet. Menjangkau bilangan pendengar yang lebih banyak dengan hanya menggunakan peralatan elektronik seperti telefon pintar, televisyen dan radio untuk memperolehi sumber dan mendengar maklumat-maklumat terutama sekali berkaitan dakwah kontemporari amatlah sesuai bagi para pendakwah yang ingin melakukan dakwah kontemporari dalam membentuk kesepaduan nasional masyarakat kerana mereka boleh menyampaikan dakwah atau ceramah mereka melalui platform-platform media sosial seperti *Instagram*, *Facebook*, majalah, akhbar dan sebagainya. Dakwah kontemporari melalui media massa ini dapat membantu kesemua pendengar dari pelbagai negeri untuk menerapkan semangat-semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat walaupun berlainan bangsa dan agama agar perpaduan nasional dalam negara dapat dimantapkan lagi.

Di samping itu, corak dakwah juga berubah seiring dengan arus kemodenan yang kian berkembang. Hal ini kerana, kebanyakkan pendakwah telah cuba mengaplikasikan media sosial sebagai medium dan platform untuk berdakwah. Pendakwah yang mahir dalam teknologi pada masa kini seringkali menyampaikan dakwah kepada masyarakat berbantuan media massa kerana penggunaan medium ini dilihat lebih berkesan dan mudah diakses oleh masyarakat setempat. Salah satu contoh dakwah yang digunakan melalui media massa adalah melalui penulisan jurnal (Don & Mohd. Nasir, 2012). Dalam fenomena penularan Covid-19 kini, para pendakwah sekali lagi menjadikan media massa sebagai medium utama dalam menyampaikan ilmu-ilmu keagamaan kepada masyarakat. Kepelbagaiannya medium media massa yang digunakan tersebut merupakan bukti bahawa penguasaan ilmu teknologi maklumat juga telah menular dalam kalangan pendakwah. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh pihak kerajaan Malaysia ini telah menyebabkan banyak aktiviti-aktiviti harian masyarakat tidak dapat dijalankan seperti sediakala. Oleh sebab itu, terdapat beberapa pendakwah yang menyuarakan pendapat mereka walaupun negara terlibat dengan PKP, namun pelaksanaan dakwah tidak akan terhenti dan perlu diteruskan menerusi kecanggihan teknologi masa kini.

Melalui media massa juga, masyarakat dapat berhubung dan berkomunikasi antara satu sama lain serta dapat mendengar setiap ceramah dan aktiviti dakwah yang disampaikan oleh pendakwah untuk membentuk kesepaduan nasional masyarakat di Malaysia. Dalam erti kata lain, melalui maklumat yang diperolehi di media massa ia dapat membantu untuk perkembangan dalam negara dari segi kesepaduan nasional dalam masyarakat serta memelihara integriti nasional. Hubungan manusia dengan media massa juga adalah untuk mempercepatkan penyampaian dakwah kontemporari kepada masyarakat agar masyarakat cepat mendapat maklumat yang penting dimana dapat membantu memberi kesedaran dalam pembentukan kesepaduan nasional. Media massa juga dapat menjadi penyampai kepada masyarakat di negara Malaysia agar masyarakat sentiasa mengambil tahu tentang isu-isu dalam negara terutama sekali dalam perpaduan dalam negara untuk membentuk negara yang aman dan damai. Media massa juga dapat membantu agar komunikasi dalam kalangan masyarakat lebih efisien serta dapat menghubungkan sesiapa sahaja bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang tepat dan sahih.

### **Serampang Dua Mata Dalam Kalangan Masyarakat**

Aktiviti dakwah ini perlu dilakukan oleh setiap penganut agama Islam dan tidak hanya dikhkususkan kepada ahli agamawan Islam sahaja. Oleh kerana Malaysia merupakan sebuah negara yang beridentitikan kepelbagaian agama, bangsa dan budaya ataupun masyarakat majmuk, maka pengaplikasian aktiviti dakwah menerusi dakwah kontemporari ini menjadi serampang dua mata kepada masyarakat di Malaysia. Walaupun penganut agama majoriti yang berada di Malaysia adalah agama Islam, namun bilangan penganut agama Buddha, Hindu dan Kristian juga tidak boleh diabaikan. Oleh itu, dengan menjadikan media massa sebagai medium dalam penyampaian seruan dakwah kepada masyarakat Islam khususnya, etika komunikasi perlulah dititik beratkan dalam setiap pengucapan yang dibicarakan. Para pendakwah perlulah sentiasa menjaga tutur kata dalam setiap ucapan atau komen tanpa mengaibkan mana-mana agama lain. Ini kerana, peranan media massa dalam dakwah kontemporari ini termasuk dalam komunikasi *bi al-Hal* sekiranya dilaksanakan secara tulisan manakala dari segi ucapan dikategorikan sebagai komunikasi *bi al-Lisan* (Mokhtar & rakan-rakan, 2021c). Para pendakwah juga seharusnya faham dan mengetahui bahawa berdakwah tidak semestinya diungkap dengan alunan suara bahkan ia boleh dilakukan dengan cara tanpa suara iaitu menerusi konteks berdakwah dengan cara lemah lembut (Mokhtar & rakan-rakan, 2021e) dan (Mokhtar & rakan-rakan, 2021f).

Sebagai seorang pendakwah, kita seharusnya perlu berfikiran bijak dan rasional dalam menggunakan pendekatan yang berkesan agar menghasilkan natijah yang baik (Mokhtar & rakan-rakan 2019). Para pendakwah juga perlu tahu bahawa implementasi dakwah secara media digital ini bukan hanya tertumpu kepada golongan Islam semata-mata sebagai penggunanya tetapi ia turut dapat diakses oleh golongan bukan Islam. Oleh itu, pendakwah perlulah mengetahui golongan manakah yang menjadi sasaran mereka dalam seruan yang dijalankan. Sekiranya golongan sasaran dakwah tersebut ditujukan kepada orang Islam sepenuhnya, maka penggunaan dalil al-Quran dan hadis sangat berkesan dalam seruan yang dijalankan. Namun, sekiranya golongan sasaran dakwah tersebut dikhkususkan kepada ajakan kepada golongan bukan Islam untuk mengenali Islam, maka pendekatan menggunakan kaedah yang lebih kreatif perlu diaplิกasikan. Antara pendekatan dakwah yang sesuai digunakan kepada golongan bukan Islam adalah menggesa mereka menggunakan akal fikiran dengan memerhatikan kelemahan makluk yang dicipta Allah bagi membuktikan kehebatan Pencipta. Al-Quran menyuruh manusia agar menggunakan akal yang dikurniakan Allah SWT untuk membuat pemerhatian terhadap kejadian alam, manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan sebagai satu indikator kepada kekuasaan Allah SWT. Pemerhatian secara menyeluruh ini dapat melembutkan hati manusia dalam menerima Islam serta meyakini keesaan Allah SWT sebagai pencipta dan tuhan sekalian alam. Kaedah dakwah seperti ini pernah dilakukan oleh Nabi Ibrahim AS seperti yang tercatat di dalam al-Quran.

Seterusnya para pendakwah juga boleh mengemukakan persoalan-persoalan mengenai isu ketuhanan sebagai cergas minda dalam memulakan seruan dakwah islamiah. Pelaksanaan kaedah dakwah seperti ini bukan hanya sesuai ditanya kepada orang Islam semata-mata tetapi juga kepada golongan bukan Islam. Sekiranya persoalan ini dapat dijawab dengan jujur dan ikhlas, sudah pasti hakikat kebenaran akidah tersebut adalah sepertimana yang dibawa oleh ajaran Islam. Walau bagaimanapun, para pendakwah perlu mempunyai ilmu yang mendalam dalam bidang agama bagi menjawab pertanyaan berkaitan agama Islam oleh penganut lain yang bukan Islam. Persediaan ilmu agama yang mantap akan dapat mematahkan hujah pihak bukan Islam serta dapat menarik minat mereka untuk terus mendekati Islam. Antara

pendakwah kini yang berkaliber dan boleh dijadikan contoh kepada pendakwah-pendakwah lain adalah seperti Dr. Zakir Naik, Ustaz Azhar Idrus, Ustaz Ebit Liew dan sebagainya. Oleh itu, masyarakat seharusnya cakna dengan dakwah dan maklumat yang mereka perolehi dari media digital yang ada. Masyarakat jangan mudah menerima sebarang info dan maklumat berkaitan dengan agama tanpa meneliti dan memastikan maklumat tersebut benar-benar sahih. Ini kerana, dunia globalisasi kini terlalu luas dan tanpa sedar boleh jadi maklumat dan info berkaitan dengan hal-hal agama ini telah dimanipulasikan oleh musuh-musuh Islam serta cuba menyesatkan faham masyarakat Islam. Tuntasnya, pendakwah kontemporari perlulah cakna tentang selok belok teknologi agar usaha dakwah di media sosial akan menjadi antara salah satu cara dakwah yang paling efektif serta dapat membentuk kesepaduan nasional masyarakat Islam di Malaysia.

### ***Berkongsi dan Bertukar Pendapat dengan Individu dari Pelbagai Latar Belakang***

Selain itu, peranan media dalam dakwah kontemporari ialah mampu berkongsi dan bertukar pendapat dengan lebih ramai individu dari pelbagai latar belakang, bangsa, agama dan budaya. Pembangunan dakwah menerusi multimedia dalam segi sosial telah terbukti dapat mengeratkan lagi hubungan antara masyarakat Islam Malaysia, sama ada mereka berada di dalam negara atau berada di luar negara. Menurut al-Edrus dan Solehan (2009), melalui media digital juga masyarakat mampu memberi dan menerima pandangan orang lain, saling nasihat menasihati serta saling tegur menegur antara satu sama lain dan ini telah membentuk kesepaduan nasional yang diidamkan. Melalui media, seorang pendakwah mampu berkongsi pendapat dengan seorang individu yang datang dari latar belakang berbeza dengannya. Perbezaan ini mungkin datang dari perbezaan agama, bangsa, budaya, adat mahupun umur. Sebagai contoh, seorang pendakwah dari Kedah mampu berkongsi dan bertukar pendapat dengan seorang pendakwah dari Sabah. Mereka dapat melakukan perkara ini tanpa perlu membazirkan wang ringgit ataupun masa untuk melancong ke negeri tersebut semata-mata untuk bertukar pendapat. Mereka boleh bertukar pendapat dengan mudah hanya dengan bantuan media digital seperti *YouTube*, *Facebook*, *Instagram*, *Twitter* dan sebagainya.

Apabila seseorang itu secara sukarela ingin bertukar pendapat dengan orang lain, secara tidak langsung mereka telah mewujudkan suasana hormat menghormati sesama sendiri. Oleh itu, individu dari agama lain juga boleh bertukar pendapat tanpa ada wujudnya perasaan benci, marah dan diskriminasi. Mereka boleh bertukar pendapat yang bermanfaat secara aman. Ini sekali gus dapat membentuk kesepaduan nasional dalam kalangan masyarakat Malaysia. Seterusnya, dengan bantuan media digital juga, seorang yang masih baharu dalam bidang dakwah boleh minta pendapat dengan seorang yang lebih arif tanpa berjumpa secara bersemuka. Semua ini dapat dilakukan dengan bantuan media. Sama ada dengan meninggalkan komen di bawah siaran yang lebih arif, ataupun dengan menghantar mesej peribadi melalui akaun media sosialnya. Dengan itu, pendakwah yang lebih arif ini dapat menyampaikan mesejnya kepada golongan yang lebih besar yang mungkin di luar kawasan penyampaiannya. Para pendakwah juga boleh menjadikan pendakwah-pendakwah lain sebagai contoh ikutan dalam proses mentebarkan seruan dakwah islamiah.

### ***Dakwah Mudah Diterima oleh Golongan Saudara Baharu***

Tahap kemajuan dan kecanggihan teknologi kini telah membuka ruang dan peluang kepada seluruh lapisan masyarakat untuk mendapatkan pelbagai maklumat dan berinteraksi tanpa sempadan. Kebesaran capaian ini turut memberi ruang kepada masyarakat untuk mendapatkan maklumat agama secara mudah dan efisien dengan hanya melalui media digital. Pendekatan dakwah menerusi media digital ini adalah sejarah dengan corak penerimaan masyarakat di era

kini yang memerlukan mekanisme baharu untuk mendalami ilmu agama sebagai persiapan diri sebelum melangkah ke arah kematian. Sebagai contoh yang boleh diambil adalah melalui *YouTube* yang merupakan medium paling mudah untuk masyarakat rujuk dan ia juga menarik minat semua peringkat umur masyarakat dalam menerima ilmu dakwah tersebut. Generasi Y dan Z yang kini lebih minat dengan elemen video yang dilimpahi visual dan idea kreatif dan inovatif yang disuntik dalam klip video tersebut semestinya menarik minat generasi tersebut untuk menonton. Walau bagaimanapun, kredibiliti sumber maklumat daripada *YouTube* ini tidak semestinya sahih dan tepat maklumatnya dan masyarakat Islam khususnya perlu memastikan sama ada maklumat tersebut tepat berdasarkan kepada al-Quran dan hadis.

Malaysia yang terkenal dengan pelbagai bangsa dan agama ini, sudah pasti memerlukan kepelbagaian kaedah dalam dunia dakwah. Proses penyampaian dakwah yang dijalankan secara atas talian atau menerusi media digital perlulah bersifat ‘lembut’ agar seruan dakwah tersebut sampai kepada masyarakat. ‘Lembut’ di sini bermaksud kaedah penyampaiannya para pendakwah perlulah penuh berhikmah dan tidak menyentuh sensitiviti kaum sehingga boleh menyebakan perpaduan antara masyarakat terjejas. Pada masa ini, ramai saudara baharu yang sudah memeluk agama Islam dan mempelajari agama Islam hasil daripada pendedahan dakwah yang berleluasa melalui media digital. Jika dibandingkan zaman dahulu dan kini, saudara baharu yang memeluk agama Islam pada masa dahulu sudah pasti akan mendalami ilmu agama daripada tok guru mereka secara bersemuka di pondok atau madrasah. Tetapi pada zaman kini, golongan saudara baharu lebih mudah mempelajari ilmu agama menerusi media digital apabila semuanya boleh didapati dihujung jari. Melalui media massa, segala ilmu yang dicari dapat diperoleh dengan mudah. Tambahan lagi ketika musim PKP ini, masyarakat digalakkan untuk duduk di rumah bagi mengelakkan jangkitan wabak Covid-19 dan ini menyebabkan saudara baharu yang memeluk agama Islam perlu meneroka ilmu agama berpaksikan media digital.

Masyarakat hari ini sangat gemar bergantung kepada keupayaan internet melalui media sosial untuk mendapatkan pengetahuan, kepercayaan, persoalan hidup dan nilai-nilai agama melalui forum keagamaan. Segala persoalan yang bermula di kepala boleh diajukan terus kepada para panel kerana pihak media turut menyediakan platform untuk para penonton menelefon dan berkomunikasi dengan para panel bagi merungkai persoalan yang dihadapi. Dengan pendekatan ini, dakwah yang disampaikan melalui media televisyen, *YouTube live* dan *Facebook live* akan lebih dekat kepada penonton walaupun secara realitinya penonton berada di rumah dan bukannya di lapangan agar dapat mengelakkan wabak Covid-19 ini berleluasa. Pembelajaran secara maya juga dilihat lebih mudah kerana seseorang itu tidak perlu untuk keluar mencari para ustaz dan ustazah untuk menerima ilmu. Saudara baharu yang memeluk Islam akan mendapati bahawa mudahnya Islam untuk diamalkan. Perpaduan antara bangsa juga terjamin kerana walaupun saudara baharu menukar agamanya kepada agama Islam, tetapi bangsanya tetap sama. Pendedahan dakwah Islamiah yang lembut dan bersifat tidak memaksa ini akan membuatkan golongan lain berlapang dada dengan penerimaan dakwah melalui media digital.

Ringkasan bagi dapatan kajian berkaitan peranan media digital yang dapat membentuk kesepaduan nasional dalam kalangan masyarakat di Malaysia adalah seperti rajah 1 berikut.



**Rajah 1: Ringkasan Peranan Media Digital**

Sumber: Kajian Penyelidikan 2023

### **Kekangan Media Digital dalam Dakwah Kontemporari bagi Membentuk Kesepaduan Nasional**

Implementasi dakwah kontemporari melalui saluran media digital merupakan satu pelantar yang amat efektif dan berguna demi membentuk kesepaduan nasional masyarakat di Malaysia. Kebolehan dan kecanggihannya untuk menghubungkan semua orang serta kepentasannya untuk menghantar maklumat memudahkan lagi dakwah kontemporari untuk dilaksanakan oleh para pendakwah. Namun demikian, dalam mengaplikasikan media digital ini dalam dakwah kontemporari, masih terdapat beberapa kekangan yang dihadapi oleh para pendakwah dan perlu kepada penelitian yang lebih rinci bagi memastikan kandungan dakwah yang disampaikan tersebut diterima oleh masyarakat. Di antara kekangan media digital dalam dakwah kontemporari bagi membentuk kesepaduan nasional di Malaysia adalah;

#### ***Kurang Kemahiran dan Ilmu ICT***

Antara kekangan yang dihadapi dalam menjadikan media digital sebagai platform dalam dakwah kontemporari adalah, kurang kemahiran dan ilmu ICT. Disebabkan peranan media yang memerlukan serba sedikit kecekapan dalam peralatan teknologi, masih ramai pendakwah yang menempuh kesulitan dalam proses mengintegrasikan media digital dalam dakwah kontemporari. Perisian dan aplikasi sudah tentu diperlukan untuk menjalankan dakwah melalui media internet. Perisian-perisian ini mungkin rumit untuk digunakan oleh seseorang yang kurang mahir dalam cara kegunaan ICT. Oleh itu, hal ini akan menjadi satu cabaran kepada para pendakwah untuk meluangkan masa mempelajari kemahiran ini dan mengaplikasikannya dalam dakwah kontemporari. Proses mempelajari satu perisian bagi seseorang yang kurang mahir dalam bidang ICT bukanlah senang kerana mereka haruslah mempelajari perisian ini sehingga mahir dan dapat menggunakan dengan cekap agar dakwah yang dilakukan dapat disampaikan dengan lancar. Pengetahuan mengenai ICT juga menjadi satu cabaran kerana terdapat etika dan norma yang perlu dipatuhi ketika menggunakan media sosial atau internet.

Etika tersebut haruslah ditaati agar dapat menarik lebih minat ramai masyarakat untuk mendengar dakwah yang disampaikan. Tambahan pula, dengan penggunaan internet, para pendawah juga terdedah terhadap isu keselamatan siber. Maka, etika ketika berada di media sosial perlulah dipatuhi agar segala maklumat diri dan akaun kita terhindar dari para penggodam.

### ***Kandungan Video Yang Terlalu Bebas***

Di samping itu, kandungan video yang terlalu bebas di internet turut menjadi salah satu dari kekangan media digital dalam membentuk kesepaduan nasional. Internet mempunyai banyak kemampuan dan potensi sebagai satu pelantar bagi menjalankan aktiviti dakwah. Namun demikian, kandungan negatif yang banyak dalam internet menjadikannya sebagai satu cabaran bagi para pendakwah. Peralihan media seiring dengan perkembangan teknologi membawa kepada penggantian media dari media cetak seperti majalah dan akhbar kepada internet. Media-media cetak tersebut dapat dikawal oleh para penerbit dan kandungan yang negatif dapat ditapis keluar. Hal ini berfaedah bagi pembaca agar hanya dapat kandungan yang berilmu dan bermanfaat. Walau bagaimanapun, internet merupakan satu media yang sukar untuk dikawal dan kandungan yang dimuat naik tidak dapat diselek. Hal ini mengakibatkan perleluasaan kandungan negatif di internet yang semakin tepu. Misalnya seperti video-video lucu, video yang menunjukkan keganasan dan maklumat-maklumat palsu. Perkara ini merupakan suatu ancaman bagi perkembangan dakwah kerana penyebaran kandungan negatif mengakibatkan pendakwah sukar untuk menyebarkan beritanya secara meluas. Kandungan negatif ini akan merosakkan masyarakat dari segi mental dan mengakibatkan dakwah kontemporari sukar untuk disebarluaskan dan ia akan menjelaskan kesepaduan nasional dalam masyarakat.

### ***Penyebaran Ajaran Agama Yang Salah***

Kekangan seterusnya yang dihadapi oleh pendakwah adalah cabaran atas penyebaran ajaran agama yang salah. Penggunaan ICT melibatkan penggunaan internet secara meluas yang memberi akses terhadap maklumat dari negara asing yang dapat diintegrasikan dalam media tempatan. Internet penuh dengan maklumat dan dari maklumat-maklumat tersebut ada maklumat yang menunjukkan nilai kehidupan yang negatif atau bertentangan dengan ajaran Islam. Misalnya normalisasi pakaian yang mendedahkan atau gejala seksual dalam kalangan masyarakat. Pengaruh negatif budaya asing ini mengancam ajaran Islam dan mampu mengundang masalah sosial dalam masyarakat. Penyebaran ajaran yang salah juga dapat mengakibatkan dakwah yang ingin disampaikan tidak tepat dan mampu dieksplotasi oleh fahaman serong dari ajaran Islam sebenar. Cabaran seperti ini menyebabkan dakwah melalui media digital seperti internet tidak efektif, malahan akan membawa kesan negatif terhadap masyarakat. Oleh hal demikian, pengguna internet sendiri haruslah bijak menapis maklumat yang mereka memperolehi agar tidak mengikut ajaran yang sesat dan perlu merujuk kepada sumber asal bagi mengesahkan maklumat dan mengelakkan kekeliruan (A. Manaf, 2018).

### ***Ketiadaan Peranti Untuk Akses Media Digital***

Kekangan terakhir dalam menjadikan media digital sebagai medium dakwah kontemporari adalah ketiadaan peranti untuk akses media digital. Antara cabaran dan masalah media digital dalam dakwah kontemporari adalah pengorbanan kewangan untuk menjalankan aktiviti dakwah melalui penggunaan media internet. Dakwah kontemporari melalui media internet dapat dilaksanakan melalui aplikasi seperti *Facebook*, *YouTube* dan sebagainya dimana kemudahan ini dapat digunakan secara percuma. Suatu perkara yang penting adalah para pendakwah dan masyarakat perlu mempunyai telefon pintar atau komputer untuk melaksanakan dakwah dan menerima kandungan dakwah tersebut (Had, 2014). Namun

demikian, peralatan-peralatan elektronik lain diperlukan demi memberi dakwah dengan jelas dan berkualiti. Tambahan pula, dakwah melalui media digital mempunyai satu lapisan tambahan untuk dilaksanakan, berbanding dengan memberi dakwah secara bersemuka di mana tidak ada kos yang diperlukan, dakwah melalui media internet memerlukan para pendakwah untuk menambah kos tambahan bagi peralatan elektronik serta bil internet. Peralatan elektronik yang berkualiti juga penting bagi seseorang pendakwah demi menyajikan dakwah yang menarik kepada pendengar. Kualiti peralatan elektronik yang rendah akan menyebabkan kesukaran untuk menarik perhatian para pendengar dan secara tidak langsung, kesulitan ini akan mengurangkan keberkesanan dakwah yang dilaksanakan. Oleh itu, ternyata peralatan elektronik menjadi salah satu keperluan dalam dakwah kontemporari bagi merealisasikan masyarakat yang mempunyai tahap kesepaduan nasional unggul.

### Kesimpulan

Tuntasnya, media memainkan peranan penting dalam menjalankan dakwah kontemporari. Peranan yang dimainkan oleh media adalah membolehkan dakwah tersebut menjangkau sebilangan besar pendengar dan mampu memberikan kesedaran kepada mereka yang mempunyai pegangan agama yang berlainan. Berdakwah melalui media digital ini memudahkan proses menyebarkan risalah Islam kerana wujudnya laman sesawang yang boleh diakses oleh sesiapa sahaja. Namun begitu, mereka perlu berhati-hati dengan kandungan yang mereka mendengar itu sahih ataupun tidak. Dengan wujudnya pelantar untuk berkomunikasi seperti *Facebook* dan *YouTube*, perkongsian pendapat dan persoalan dilakukan dengan mudah dan cepat, sekiranya tidak mempunyai gangguan internet. Pengguna media digital juga memperoleh informasi yang lebih mendalam terhadap sesebuah agama dengan mudah dan senang berhubung dengan pendakwah menerusi media sosial dan tidak perlu menetapkan tarikh perjumpaan secara bersemuka. Walau bagaimanapun, para pendakwah perlulah menguasai ilmu ICT terlebih dahulu sebelum melaksanakan dakwah kontemporari kerana ia dapat menutup jurang dan tanggapan buruk golongan bukan Islam terhadap pendakwah. Jika kita tidak mempunyai ilmu yang mencukupi dalam bidang ini, sudah pasti kita akan diperkotak katikkan oleh segelintir masyarakat. Oleh itu, penggunaan media digital dalam dakwah kontemporari yang tepat dan baik akan dapat membentuk kesepaduan nasional masyarakat di Malaysia.

### Rujukan

- A. Manaf., A. M. (2019). Dakwah Melalui Media Baharu di Malaysia: Peluang atau Cabaran?. *Jurnal al-Hikmah*, 10(1) 2018: 119-128.
- Adam, F., Ali, A. H., Mohamed Anuar, M. & Engku Ali, E.M.T. (2015). Cabaran Media Baru sebagai Medium Pembelajaran Agama dan Penyelesaiannya dari Perspektif Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. Vol. 9, Feb. 2015. 10-19.
- Al-Edrus, S. M. D., & Solehan, M. L. (2009). *Peranan ICT dalam Penyebaran Dakwah dalam Era Globalisasi. Seminar Kebangsaan Dakwah Islamiah di IPT dan Komuniti*, Dewan Tunku Ibrahim Ismail, UTHM.
- Awang, A., & Mohd Khambali, K. (2015). Pengaruh Media dalam Dialog Kehidupan: Perspektif Pengalaman Saudara Baru. *Malaysian Journal of Communication*. Jilid 31(2) 2015: 47-60.
- Baharuddin, S. A. (2011). Kesepaduan dalam Kepelbagaian: Perpaduan di Malaysia sebagai work-in progress., [https://www.academia.edu/1955448/Kesepaduan\\_dalam\\_Kepelbagaian\\_Perpaduan\\_di\\_Malaysia\\_sebagai\\_work\\_in\\_progress](https://www.academia.edu/1955448/Kesepaduan_dalam_Kepelbagaian_Perpaduan_di_Malaysia_sebagai_work_in_progress). Diakses pada 28 November 2022.

- Don, A.G., & Mohd. Nasir, B., (2012). Cabaran Dakwah di Malaysia Sebelum dan Selepas Merdeka. *Jurnal al-Hikmah*, 4.15-22.
- Had, A. (2014). *Dakwah melalui internet di Malaysia: Masalah dan cabaran*. Kertas yang dibentangkan di Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Perspektif Multi-disiplin, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia.
- Haronzah, M. F., Mani, I., & Wan Embong, W. H. (2019). Media Sosial dan Facebook Menurut Islam. Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19). 15hb. Disember 2019. DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM. 257-276.
- Khasbullah, S.N.A., Mahiyaddin, R. & Che Ani, S. (2019). Penggunaan Media Baharu Sebagai Medium Penyampaian Agama Islam. Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2019 ke-3 Hotel Grand Blue Wave Shah Alam, Selangor. 22 Oktober 2019. e-ISBN: 978 967 2122 78 4. 271-282.
- Manap, J., Hamzah, M. R., Amin, A. S., Nurul Nabila Mohd Izani, N. N., Idris, F., Hamjah, S. H., Tambi, N., Che Kasim, A., Sarnon, N. H., Nen, S., Nor Jana Saim, N. J. (2016). Penggunaan dan Implikasi Media Sosial Terhadap Remaja Generasi Z. International Conference on Social and Economic Development (ICSED) 2016, 1-3 November 2016, Universiti Malaysia Terengganu.
- Mohamed Mokhtar, M.M., & Hassan, H. (2021). Penggunaan Media Sosial Sebagai Medium Dakwah Islam dalam Kalangan Penduduk Kampung Beserah, Kuantan, Pahang. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)* Copyright © Universiti Malaysia Pahang Press ISSN: 2289-7216 (PRINT), e-ISSN: 2600-8815 (ONLINE) IJHTC Issue 11, Vol 1 July 2021. 90-107.
- Moharam, M.M.H., Mokhtar, S., & Thia, K. (2021). Pendekatan Kaedah Interaktif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Abag ke-21 di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Prosiding 5<sup>th</sup> International Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD) 2021. 03 – 05 August 2021. 79-88.
- Mokhtar, S., Hajimin, M. N. H. H., Muis, A. M. R. A., Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R., & Lukin, S. A. (2021c). Analisis Prinsip-Prinsip Komunikasi Islam dalam Kitab al-Quran. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*. Vol. 6. Issue 23. April 2021. 140-156.
- Mokhtar, S., Muda, N., Othman, I. W., & Esa, M. S. (2021e). Nilai Moral Dalam Sajak ‘Ke Makam Bonda’ Oleh Usman Awang: Satu Analisis Bahasa, Nilai dan Struktur Serta Kaitannya dengan Konsep Dakwah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6 (41), 76-91.
- Mokhtar, S., Othman, I. W., Moharam, M. M., & Maidin, I. (2021f). Dakwah Bil Akhlak Kontemporari: Satu Pendekatan dalam Konsep Keusahawanan Islam. *International Journal of Accounting, Finance and Business (IJAFB)*, 6 (37), 111 - 123.
- Mokhtar, S., Othman, I. W., Ramlie, H. A., & Ariffin @ Eduny, S. (2022b). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (45), 96-111.
- Mokhtar, S., Shah, M. K. M., Ramlie, H., Othman, I. W., Ationg, R., Esa, M. S. & Marinsah, S. A. (2021d). Rekayasa Dakwah KBAT dalam Kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah Menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*. Volume 6, Issue 39 (May 2021). 178-193.

- Mokhtar, S., Sharif Adam, S. D., Othman, I. W., & Esa, M. S. (2022a). Facebook: Satu Platform Dalam Membentuk Kesepaduan Nasional di Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development* (JISED), 7(47), 295 - 308.
- Mokhtar, S., Thia, K. & Ramlie, H. (2019). Pendekatan Dakwah JHEAINS terhadap Banduan di Penjara Sandakan: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal al-Hikmah*. 11(2). 68-87.
- Mokhtar, S., Thia, K., Othman, I.W., & Moharam, M.M.H. (2021a). Prospek dan Cabaran Implementasi Dakwah dalam Media Kontemporari: Satu Analisis. Prosiding 5<sup>th</sup> International Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD) 2021. 03 – 05 August 2021. 408-418.
- Mokhtar, S., Thia, K., Othman, I.W., & Moharam, M.M.H. (2021b). Prospek Pengajaran dan Pembelajaran Online Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pandemik Covid-19 di Sandakan, Sabah: Cabaran dan Signifikan. Prosiding 5<sup>th</sup> International Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD) 2021. 03 – 05 August 2021. 348-359.
- Nor Jefri, N. I., Shaharin, N. S., & Jasmi, K. A. (2019). Media Sosial dan Pembentukan Masyarakat Menurut Islam. Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19). 15hb. Disember 2019. DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM. 157-176.
- Razali, N.A., Hera, N., & Jasmi, K. A. (2019). Media Sosial dan Impak Negatif Menurut Islam. Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19). 15hb. Disember 2019. DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM. 33-48.
- Sinar Harian. (2020). *Perkara dibenarkan dan tidak dibenarkan sepanjang PKPB*. <https://www.sinarharian.com.my/article/81448/berita/nasional/perkara-dibenarkan-dan-tidak-dibenarkan-sepanjang-pkpb>. Diakses pada 28 November 2022.
- Yasin,R., Abdullah, M. R. T., Ab. Ghani, S., Shahril, M. I. & Syed Ali, S.K. (2015). Pendekatan Hikmah Dalam Pembentukan Perpaduan Masyarakat Berbilang Kaum di Malaysia. *The Malaysian Journal of Social Administration*. 9(1): 29-44.
- Zakaria, N. & Mohamad, A.D. (2016). Media sebagai Wasilah Dakwah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 92-99.